

28/04/2000

Jawatankuasa larang jamuan rai perwakilan

PUTRAJAYA, Khamis - Calon bagi pelbagai jawatan dalam pemilihan Umno bulan depan serta ejen-ejen mereka, turut dilarang menaja sebarang bentuk jamuan untuk perwakilan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata jamuan seperti itu juga dianggap sebagai kempen bagi mendapatkan sokongan.

"Jamuan seperti ini bukan saja dikurangkan, malah tidak boleh diadakan lagi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Teras Strategik bagi Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain semalam bahawa Umno negeri itu sedang mengambil langkah tertentu bagi menjamin perwakilannya, yang akan menghadiri perhimpunan agung Umno bulan depan, tidak terdedah kepada politik wang.

Syed Razak dilaporkan berkata, jika perlu, Umno Kedah sendiri akan menyediakan jamuan serta makan-minum kepada perwakilannya dan memastikan mereka berada di dalam bilik hotel selepas perhimpunan, kecuali bagi menghadiri acara penting.

Dalam beberapa pemilihan Umno sebelum ini, calon dikatakan menaja jamuan untuk perwakilan terutama di restoran mewah bagi mendapat sokongan mereka.

Abdullah berkata, Umno akan memberi sokongan terhadap sebarang langkah yang dilaksanakan oleh pemimpin parti atau pengerusi badan perhubungan negeri bagi membendung rasuah dan politik wang.

Malah, katanya, perakuan yang dibuat oleh 15 calon jawatan kanan parti termasuk sembilan calon naib presiden, untuk menghentikan apa juga bentuk kempen menjelang pemilihan, adalah sesuatu yang baik.

"Keputusan yang dibuat ini harus difahami oleh semua perwakilan ke perhimpunan agung nanti," katanya.

Perakuan 15 calon itu, termasuk dua calon masing-masing bagi jawatan ketua Wanita, naib ketua Wanita dan naib ketua Pemuda, ditandatangani di hadapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam Isnin lalu.

Perakuan mereka itu antara lain berbunyi: "Tidak akan menghubungi perwakilan atau membenarkan perwakilan menghubungi kami, dengan apa cara sekalipun, termasuk lawatan ke rumah calon, penggunaan telefon, faksimili dan sebagainya".

Abdullah bagaimanapun enggan mengulas mengenai tindakan salah seorang calon naib presiden yang memasang kain rentang di hadapan rumah bagi menegah perwakilan menemuinya sebagai mematuhi perakuan semua 15 calon jawatan kanan parti itu.

"Siapa yang buat dan rumah siapa?," katanya yang kelihatan terkejut apabila seorang wartawan menunjukkan keratan laporan bergambar mengenai sepanduk itu.

Beberapa akhbar hari ini menyiarkan kain rentang yang dipasang di depan rumah bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib di Kelana Jaya, yang antara lain berbunyi:

"Mematuhi pengisytiharan semua calon-calon bersama Presiden Umno pada 24 April 2000. Calon tidak dibenar bertemu perwakilan. Perwakilan tidak dibenar mengunjungi rumah calon. Bersama-samalah kita mematuhi dan memartabatkan ikrar ini demi keutuhan perjuangan Umno untuk agama, bangsa dan negara semata-mata kerana Allah. Saya anak Melayu Insy-Allah tidak akan menderhaka pada bangsa Melayu - Tan Sri Muhammad Hj Muhammad Taib,

Naib Presiden Umno Malaysia".

Ditanya apakah tindakan itu sebagai satu bentuk kempen, Abdullah menjawab: "Itu adalah tanggapan anda. Saya tak nak komen apa. Saya rasa dia (Muhammad) nak memberitahu bahawa mungkin dia tidak dapat bertemu dengan ramai ahli Umno, ratusan orang yang pergi ke rumah dia."

(END)